

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 3 DISEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Illegal farms encroaching on forest cover of tourist destination	The Malay Mail
2.	Hujan lebat diramal di lima negeri	KOSMO
3.	Hujan lebat peringkat jingga	Sinar Harian
4.	Flood havoc in Johor, Pahang	New Straits Times
5.	17 mangsa terperangkap selamat	Harian Metro
6.	Amaran hujan lebat di Johor, Pahang	Bernama.com
7.	Hujan lebat di Pahang, Terengganu dan Johor hingga Selasa boleh sebabkan banjir	Bernama.com
8.	Pelajar ditahan bantu siasatan kematian 3 beradik	Sinar Harian
9.	Remaja 16 tahun direman	Utusan Malaysia
10.	Pelajar ditahan berhubung kes bunuh tiga beradik	Bernama.com

# Cameron Highlands

Illegal farms encroaching on forest cover of tourist destination

CAMERON Highlands, a popular weekend retreat for city slickers, is being stripped of its lush rainforest cover at a rapid pace.

The latest national audit recorded its natural jungle greenery at only 82 per cent last year from 96 per cent previously.

Despite the Cameron Highlands District Local Plan allowing only three per cent of the land there for plantations between 2003 and 2015, surveys by the Remote Sensing Agency of Malaysia in 2012 showed the actual areas being used was at a whopping 16 per cent.



The same goes for residential areas, where the actual area used — two per cent — was double that of the allocated area of just one per cent.

The highest increase in plantation areas was recorded in Pos Terisu, rising from 76.73 ha in 2009 to 180.9 ha in 2012, an increase of 135.76 per cent.

This was followed by Habu with an increase of 69.46 per

cent and Lembah Bertam at 64.48 per cent.

Residential areas rose the most in Ringlet, with an increase of 131.46 per cent to 3.97 ha, and in Kampung Raja at 68.2 per cent to 9.48 ha.

The auditors also discovered vegetable farms on the slopes of Bukit Habu have encroached on forest reserves and deposited sediment in the man-made Ringlet Lake.

It was also estimated the illegal encroachment of farm areas has caused close to RM1 million in losses for the Cameron Highlands District and Land Office from uncollected revenue.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 13  
TARIKH: 03 DISEMBER 2013 (SELASA)**

## Hujan lebat diramal di lima negeri

**KUALA LUMPUR** – Beberapa daerah di Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu serta Melaka berkemungkinan dilanda banjir kilat dan angin kencang berikutan ribut petir dan hujan lebat yang melanda negeri tersebut secara berterusan sehingga malam tadi.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi**, setakat pukul 3.13 petang semalam, daerah yang terlibat di Negeri Sembilan ialah Jelebu, Jempol, Tampin dan Kuala Pilah.

Di Johor, daerah yang terjejas termasuk Johor Bahru, Kulaijaya dan Pontian manakala daerah-daerah yang terlibat di Pahang pula ialah Bentong, Temerloh, Maran dan Jerantut.

Selain itu, Jabatan Meteorologi turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga iaitu hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana yang dijangka melanda beberapa daerah di Pahang dan Johor sehingga hari ini.

Daerah-daerah yang terlibat ialah Kuantan, Pekan, Rompin dan Bera di Pahang dan Kluang, Mersing, Segamat dan Batu Pahat di Johor.

Amaran peringkat jingga juga bermaksud kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah akan mengalami banjir.

Pada masa yang sama, amaran peringkat kuning iaitu nasihat hujan lebat turut dikeluarkan di beberapa daerah di Terengganu dan Johor.

KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 11  
TARIKH : 3 DISEMBER 2013 (SELASA)

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga untuk Kuantan, Pekan, Rompin dan Bera di Pahang yang akan berterusan sehingga hari ini.

Sementara itu amaran hujan lebat peringkat kuning pula adalah untuk Dungun dan Kemaman di Terengganu; Mersing, Segamat, Kota Tinggi dan Kluang di Johor yang juga akan berterusan hingga esok, demikian menurut kenyataan akhbar jabatan itu di sini.

"Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan tersebut yang berkedudukan rendah," kata kenyataan itu semalam.

Menurut jabatan itu, Malaysia kini mengalami musim monsun timur laut atau musim tengkujuh bermula awal November lepas dan dijangka berakhir minggu ketiga Mac tahun depan.

# Hujan lebat peringkat jingga



Penduduk Sungai Lembing melihat jambatan Sungai Charu ditenggelami air sedalam setengah meter.



Penduduk di sekitar Sungai Lembing menyelamatkan barang yang penting dan berharga serta keperluan asas masing-masing.



Jalan Kota Tinggi-Mersing masih boleh dilalui kenderaan.



Keadaan banjir di Rompin.



Keadaan banjir di kampung Setajam, Mukim Endau, Kuala Rompin.



Antara mangsa banjir di pusat pemindahan banjir Dewan teluk Gading, Tanjung Gemok, Mukim Endau.

# Flood havoc in Johor, Pahang

**ON ALERT:** Police warn of more evacuations if wet spell continues

HAMZAH JAMALUDIN

KUANTAN

hamzah@nst.com.my

**T**HE first wave of flooding began in Pahang yesterday with more than 200 people evacuated here and in Rompin, Maran and Pekan.

As of 8pm yesterday, Maran was the worst hit with 90 people from Kampung Chendong, Kampung Bak Bak and Kampung Ulu Luit relocated to relief centres when their villages were flooded due to heavy rain since Sunday morning.

Another 77 people from seven villages in Rompin were evacuated.

Among the villages affected were Kampung Pertat, Kampung Kurnia, Kampung Piangu and Kampung Kerpala.

Rompin police chief Deputy Superintendent Ahmad Johari Jaya said the villagers were evacuated from 10am when floodwaters rose to more than a metre.

He advised people in flood-prone areas and along the river banks to be on alert as heavy rains were expected to continue over the next few days.

A state police operations centre spokesman said another 51 flood evacuees were from Kampung Padang Rumbia, Pekan while a family of eight in Kampung Chendor, Cherating near here were evacuated when their home was partially submerged.

A family of nine sought shelter at the Sungai Lembing police station when their home was badly affected by the floods.

"More people are expected to be evacuated as flood water is rising in several areas including the town area and Sungai Lembing," he said.

Among the affected areas here are Taman Pelindung Perdana, Taman Bukit Sekilau and Beserah.

Traffic was reduced to a crawl in the town centre when water rose to



**Kuantan** is submerged in water yesterday after heavy rain since Sunday. Pic by Halim Mat

0.5m at several stretches.

The Sungai Charu bridge at Km28 of Kuantan-Sungai Lembing road was closed to all vehicles when the river overflowed and part of the road caved in early yesterday.

In Johor, a downpour for the past 48 hours caused flash floods in several districts, leading to more than 691 victims being evacuated.

The victims are from housing estates in low lying areas in Segamat, Kluang and Mersing.

A Malaysian Meteorological Department spokesman said more shelters would be opened if it continued to rain and the situation worsened.

Mersing recorded the highest number of evacuees with 260 victims from 64 families, who are

seeking shelter at two centres at Sekolah Agama Air Papan and SK Tenglu.

**Page 1 pic:** Pos Malaysia employee Fadzil Saadon carrying a sack of letters to the Sungai Lembing Post Office, which was cut off due to floods at the Sungai Charu bridge yesterday. Pic by Zulkepli Osman

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11**  
**TARIKH: 03 DISEMBER 2013 (SELASA)**

## 17 mangsa terperangkap selamat

**Chukai:** Seramai 17 orang warga tempatan yang terkandas semalam di kawasan kongsi balak Sungai Cherul, dekat sini, akibat paras air yang naik mendadak dan berarus kuat berjaya dikeluarkan pasukan bomba menggunakan dua bot petang semalam.

Ketua Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Cheneh Pegawai Bomba Kanan II Abdullah Embong berkata, pihaknya menerima panggilan telefon daripada rakan mangsa terbabit pada jam 1 tengah hari dan tiba di tempat kejadian dua jam kemudian.

"Semua 17 mangsa berusia 25 hingga 50 tahun yang mendapatkan perlindungan di situ selepas pa-

ras air naik mendadak sehari sebelum itu berada dalam keadaan selamat ketika ditemui bomba.

"Pasukan bomba berjaya mengeluarkan mangsa dalam masa 15 minit menggunakan dua bot dari BBP Cheneh dan BBP Kemaman," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, kumpulan lelaki berkenaan terdiri daripada orang awam dan beberapa pekerja sebuah syarikat dari Pahang sepatutnya keluar dari kawasan berkenaan kelmarin tetapi tertangguh kerana hujan lebat.

Sementara itu, juruakap Majlis Keselamatan Negara negeri melaporkan

seramai 20 mangsa daripada lima keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di Kemaman apabila kediaman mereka dinaiki air sehingga jam 6 petang semalam.

Katanya, seramai 16 mangsa daripada tiga keluarga dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, tiga mangsa daripada satu keluarga dipindahkan ke Masjid Kampung Batu 16 dan seorang ditempatkan ke Dewan Orang Ramai Batu 14.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi pula menge luarkan amaran hujan lebat peringkat kuning untuk Dungun dan Kemaman akan berterusan sehingga hari ini.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 3 DISEMBER 2013 (SELASA)**



## **Amaran Hujan Lebat Di Johor, Pahang**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Amaran hujan lebat peringkat jingga di beberapa kawasan di Pahang dan Johor dijangka berterusan sehingga Selasa.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan menyebut hujan lebat dijangka dialami di beberapa daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin dan Bera di Pahang serta Mersing, Kluang, Segamat dan Batu Pahat di Johor.

"Keadaan ini akan menyebabkan banjir di kawasan yang berkedudukan rendah," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, amaran peringkat kuning di Terengganu (Dungun dan Kemaman) dan Johor (Ledang, Kota Tinggi dan Muar) turut dijangka berterusan hingga Selasa.

Keadaan itu boleh menyebabkan banjir di kawasan berkedudukan rendah, katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 3 DISEMBER 2013 (SELASA)**



## **Hujan Lebat Di Pahang, Terengganu Dan Johor Hingga Selasa Boleh Sebabkan Banjir**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi** Isnin mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga untuk Kuantan, Pekan, Rompin dan Bera di Pahang yang akan berterusan sehingga Selasa.

Sementara itu amaran hujan lebat peringkat kuning pula adalah untuk Dungun dan Kemaman di Terengganu; Mersing, Segamat, Kota Tinggi dan Kluang di Johor yang juga akan berterusan hingga esok, demikian menurut kenyataan akhbar jabatan itu di sini.

"Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan tersebut yang berkedudukan rendah," kata kenyataan itu.

Menurut jabatan itu, Malaysia kini mengalami musim monsun timur laut atau musim tengkujuh bermula awal November lepas dan dijangka berakhir minggu ketiga Mac tahun depan.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (TIGA BERADIK MAUT) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 03 DISEMBER 2013 (SELASA)**

## Pelajar ditahan bantu siasatan kematian 3 beradik



ADZAMAN

**ALOR SETAR** - Polis menahan seorang pelajar berusia 16 tahun bagi membantu siasatan kematian tiga beradik dari Alor Semela, Jalan Datuk Kumbar di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Mohd Jan berkata, pelajar berkenaan ditahan di rumahnya di Perlis kira-kira pukul 11.30 malam, kelmarin.

"Pelajar itu ditahan reman selama empat hari mulai hari ini (semalam) bagi membantu siasatan kes itu.

"Setakat ini pihaknya menemu bual

lebih 10 individu termasuk keluarga dan rakan mangsa bagi membantu siasatan," katanya, semalam.

Walaupun kesemua mereka ditemui mati akibat lemas lemas, polis mengklasifikasikan kes terbabit sebagai kes bunuh dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksian kerana membunuh.

Adzaman berkata, pihaknya masih menyiasat sejauh mana hubungan pelajar terbabit dengan mangsa menerusi siasatan teliti dari segenap aspek.

Tambahnya, hasil bedah siasat ke atas Puteri Nurul Akma dan Nur Izzati

Husna pula mendapat punca kematian mereka adalah lemas.

"Terdapat kesan calar pada badan mangsa, namun tiada tanda mereka dirogol, dicekik atau dipukul. Spesimen darah ketiga-tiga beradik itu dihantar untuk ujian ke Jabatan Kimia, Pulau Pinang bagi memeriksa jika ada punca lain termasuk kemungkinan suntikan dadah ke atas mangsa," katanya.

Mengenai dakwaan keluarga mangsa mengenai kesan cedera dipercayai akibat dicucuh puntung rokok pada anggota badan dan tangan Nor

Syafikh Nadia serta kesan sama pada tangan kedua-dua adik mangsa, Adzaman berkata, kesan berkenaan mungkin disebabkan gigitan hidupan dalam air seperti lintah atau ikan.

Adzaman turut meminta orang ramai menghentikan spekulasi bahawa mangsa menjadi mangsa roggol seperti yang dipaparkan dalam laman sosial.

"Maklumat yang polis salurkan kepada umum adalah hasil laporan perubatan oleh pakar forensik yang menyatakan tiada tanda mangsa dirogol," katanya.

# Remaja 16 tahun direman

Oleh JAMILIAH ABDULLAH  
utusankedah@utusan.com.my

**ALOR SETAR** 2 Dis. - Seorang remaja lelaki berusia 16 tahun ditahan polis hari ini bagi membantu siasatan kematian tiga beradik perempuan dari Alor Semela, Jalan Datuk Kumbar di sini Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Mohd. Jan berkata, pelajar itu yang merupakan kenalan mangsa ditahan di rumahnya di Arau, Perlis kira-kira pukul 11.30 malam tadi.

"Pelajar itu ditahan reman selama empat hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes itu," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Mamat Nor Syafikah Nadia Rusdi, 14, ditemui tertiarap dalam keadaan separuh bogel di tepi sawah Alor Senibong di sini pukul 3.45 petang Sabtu lalu selepas keluar dari rumah bersama dua adiknya, Puteri Nurul Akma, 3, dan Nur Izzati Husna, 12, kira-kira pukul 7.30 malam, Jumaat lalu.

Lebih memilukan, matat Puteri Nurul Akma dan Nur Izzati Husna pula ditemui kira-kira pukul 4.50 petang semalam dalam terusan MADA Kampung Padang Petani, Langgar, kira-kira 3.5 kilometer dari lokasi mayat Nor Syafikah Nadia ditemui.

Biarpun mereka ditemui mati lemas, polis mengklasifikasikan kes ini sebagai bunuh.

Menurut Adzaman, pihaknya masih menyiasat sejauh mana hu-

bungan pelajar terbabit dengan mangsa menerusi siasatan teliti melibatkan segenap aspek.

"Setakat ini polis sudah mengambil keterangan lebih 10 individu termasuk ahli keluarga dan rakan mangsa bagi membantu siasatan kes pembunuhan kejam ini," katanya.

Tambah beliau, hasil bedah siasat ke atas Puteri Nurul Akma dan Nur Izzati Husna pula mendapat punca kematian mereka disebabkan lemas.

Terdapat kesan calar pada badan mangsa, namun tiada tanda mereka dirogol, dicekik atau dipukul.

Adzaman memberitahu, spesimen darah ketiga-tiga beradik itu turut dihantar untuk ujian ke Ja-

batan Kimia, Pulau Pinang bagi mengesan jika ada punca lain termasuk kemungkinan suntikan dadah ke atas mangsa.

Tambah beliau, polis turut dimaklumkan oleh pegawai perubatan bahawa kematian ketiga-tiga beradik itu berlaku dalam tempoh yang hampir sama.

Mengulas dakwaan keluarga mangsa mengenai kesan cedera dipercayai akibat dicucuh puntung rokok pada anggota badan dan tangan Nor Syafikah Nadia serta kesan sama pada tangan kedua-dua adik mangsa, Adzaman berkata, ia adalah disebabkan gigitan hidupan dalam air seperti lintah atau ikan.

Berhubung penemuan seluar di kawasan mayat Puteri Nurul Akma

dan Nur Izzati Husna ditemui, beliau memberitahu, pakaian itu bukan milik ketiga-tiga beradik itu kerana Nor Syafikah Nadia keluar pada malam kejadian dengan memakai jean biru.

"Bagaimanapun baju T yang ditemui berhampiran mayat Nor Syafikah Nadia adalah miliknya," katanya.

Adzaman turut meminta orang ramai supaya menghentikan spekulasi bahawa mangsa menjadi mangsa rogol seperti yang tersebar dalam laman sosial.

Katanya, maklumat yang disalur polis kepada umum adalah hasil laporan perubatan oleh pakar forensik yang menyatakan tiada tanda mangsa dirogol.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 3 DISEMBER 2013 (SELASA)**



## **Pelajar Ditahan Berhubung Kes Bunuh Tiga Beradik**

ALOR SETAR, 2 Dis (Bernama) -- Polis menahan seorang pelajar berumur 16 tahun bagi membantu siasatan berhubung kes pembunuhan tiga beradik dari Alor Semela, Jalan Datuk Kumbar di sini pada Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Mohd Jan berkata pelajar itu yang merupakan kenalan seorang mangsa Nor Syafikah Nadia Rusdi, 14, ditahan di rumah ibu bapanya di Perlis pukul 11.30 malam tadi.

Beliau memberitahu pemberita di pejabatnya di sini hari ini bahawa pelajar itu kini ditahan reman selama empat hari mulai hari ini bagi membantu siasatan.

Mayat Nor Syafikah Nadia ditemui di tepi sawah di Alor Senibong, Langgar pada pukul 3.45 petang Sabtu manakala mayat dua adiknya Puteri Nurul Akma, 3, dan Nur Izzati Husna, 12, ditemui di terusan Mada Kampung Padang Tani pada pukul 4 petang semalam kira-kira 3.5 kilometer dari tempat mayatnya ditemui.

Tiga beradik itu dilapor menaiki motosikal ke rumah rumah rakan Nor Syafikah Nadia di Kampung Gelam yang tidak jauh dari rumah mereka kira-kira pukul 7.30 malam pada Jumaat.

Mereka kemudiannya tidak pulang sehinggalah mayat mereka ditemui.

Polis mengklasifikasikan kes itu sebagai bunuh dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Kesekeaan.

Adzaman berkata bedah siasat ke atas mayat Puteri Nurul Akma dan Nur Izzati Husna mendapat punca kematian mereka adalah disebabkan lemas di samping terdapat kesan calar pada badan mereka.

Kematian ketiga-tiganya didapati berlaku dalam tempoh hampir sama, katanya.

Beliau berkata contoh darah ketiga-tiga mangsa telah dihantar ke **Jabatan Kimia** di Pulau Pinang.

Adzaman menegaskan mangsa tidak dirogol dan meminta orang ramai menghentikan spekulasi itu.

Beliau berkata polis masih menyiasat hubungan pelajar itu dengan mangsa dan telah menemu buah lebih 10 individu termasuk keluarga dan rakan mangsa.